

Tiga fakulti UMP diiktiraf terbaik GE

[FOTO IHSAN UMP]



Daing Nasir (empat dari kiri) bersama penerima penghargaan pada majlis malam apresiasi menghargai warga UMP yang terbaik dalam menjayakan aktiviti pengesanan dan kebolehpasaran graduan di Pekan, Kelantan.

➔ Berjaya merekodkan 95.1 peratus graduan dapat kerja

Oleh Abdul Razak Raaff
raaffar@bh.com.my

► Pekan

Tiga fakulti Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencapai peratusan tertinggi kebolehpasaran graduan (GE) sepanjang 2016.

Naib Canselormya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata Fakulti Kejuruteraan Pembuatan diiktiraf terbaik apabila mencapai 99.1 peratus, diikuti Fakulti Teknologi Kejuruteraan (97 peratus) manakala Fakulti Sains dan

Teknologi Industri (96.1 peratus).

Katanya kejayaan itu membolehkan UMP merekodkan 95.1 peratus graduan berjaya memperoleh pekerjaan mengikut rekod Kajian Pengesanan Graduan, kaji selidik dijalankan Kementerian Pendidikan Tinggi sepanjang tahun lalu.

Pencapaian membanggakan

"Pencapaian ini adalah peningkatan yang boleh dibanggakan hasil kerjasama erat Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya (CPDC) Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) bersama pi-

hak fakulti serta pengurusan UMP.

"Pelbagai program dianjurkan CPDC dan fakulti untuk memberi kefahaman yang lebih baik bagi memenuhi keperluan pasaran kerjaya masa hadapan graduan daripada pelbagai syarikat antaranya RP Chemicals, Kaneka Malaysia dan TT Elektronik, sekali gus memberi pendedahan kepada pelajar UMP dalam menghadapi cabaran kerjaya pada masa akan datang," katanya.

Profesor Daing Nasir berkata demikian pada majlis malam apresiasi menghargai warga UMP yang

terabit dalam menjayakan aktiviti pengesanan graduan dan kebolehpasaran graduan, di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr Jamil Ismail; Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid dan Pengarah CPDC, Datuk Jeffrey Khor Choi.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya turut mengadakan inisiatif dalam memotivasikan pelajar untuk persediaan kerjaya termasuk sesi kemahiran temu duga bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk bersedia menjalani sesi te-

mu duga sebenar.

"Pelajar tahun akhir pula akan diberi pendedahan dalam melengkapkan diri melalui penyediaan resume dan persediaan mereka menghadapi temu duga yang bakal ditempuhi.

"Pihak universiti menyasarkan peningkatan kebolehpasaran pelajar pada kadar 96 peratus pada tahun depan. Pencapaian ini turut memberi impak kejayaan terhadap Pelan Strategik UMP 2020 bagi Lonjakan Strategik 1 UMP iaitu Keunggulan Akademik untuk menghasilkan graduan berkelayakan dan berkualiti," katanya.